

PAS mahu Azmin sebab istana enggan terima Wan Azizah, kata exco PAS

Malaysian Insider

Aug 18, 2014

OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Exco Hal Ehwal Islam Selangor Sallehen Mukhyi berkata tindakan PAS mencalonkan nama Pengerusi PKR Selangor Mohamed Azmin Ali kerana enggan melawan kehendak istana yang tidak menerima Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menjadi menteri besar Selangor.

"Memang kita tidak setuju Dr Wan Azizah bukan kerana dia perempuan, tetapi kerana kita dimaklumkan istana tidak memperkenankan Dr Wan Azizah.

"Tetapi mungkin ini satu percubaan dibuat secara rasmi untuk hantar nama Dr Wan Azizah, lebih daripada itu saya tidak mahu komen," katanya kepada pemberita di Shah Alam, hari ini.

Azmin yang juga timbalan presiden PKR dicalonkan PAS sebagai calon kedua semalam, tetapi Pakatan Rakyat (PR) selepas bermesyuarat bersetuju hanya nama Dr Wan Azizah yang akan dikemukakan kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah nanti.

Sallehen yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabak berkata, exco PAS akan terus bekerjasama dengan menteri besar daripada Bebas, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sehingga proses pelantikan menteri besar baru selesai.

Katanya, terpulang kepada Khalid meletakkan jawatan pada bila-bila masa tetapi jangan sampai mengheret rakyat turut sama dalam kemelut politik Pakatan Rakyat (PR).

Katanya, isu ini perlu diselesaikan secara politik sementara exco PAS menjalankan kerja untuk rakyat seperti biasa.

"Kita akan terus kerjasama, bukan dengan Khalid tetapi sebagai menteri besar yang masih diterima sementara menunggu menteri besar baru dilantik, yang ikut perkenan tuanku dan undang-undang negeri," katanya.

Keputusan mesyuarat PAS Pusat semalam menyokong pendirian DAP dan PKR yang mahu Khalid berundur, pada masa sama mengarahkan empat exconya menjalankan kerja seperti biasa.

Khalid dalam responsnya berkata, beliau akur dengan keputusan PAS dan akan berjumpa sultan untuk mendapatkan nasihat.

Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini bersetuju dengan segala keputusan PAS Pusat selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali di Kota Baru.

"Saya mendengar penjelasan daripada presiden PAS dan setiausaha agung dan saya bagi sokongan penuh terhadap keputusan AJK PAS Pusat itu.

"Alhamdulillah keputusan itu kita kekal dalam Pakatan (Rakyat) dan saya menyokong apa yang diputuskan semalam," katanya seperti dilaporkan Bernama.

Sementara itu, Hadi berkata keputusan yang diputuskan PAS adalah berdasarkan kepada keadaan semasa, iaitu Hadi semasa menyokong Khalid adalah beliau masih ahli PKR.

"Masa itu, Khalid masih dalam PKR dan kini dipecat dan masalah berkaitan dengannya sudah tidak timbul lagi," katanya.

Katanya, persoalan sama ada Khalid bersalah atau tidak terhadap tuduhan yang dilemparkan PKR termasuk dakwaan salah laku, itu merupakan isu rang berbeza dan tiada kaitan dengan keputusan yang dibuat semalam. – 18 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-mahu-azmin-sebab-istana-enggan-terima-wan-azizah-kata-exco-pas>